

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961
DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
APRIL 2023

Arahan Kepada Calon-Calon

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab:

Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu

***** SEMOGA BERJAYA*****

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi tiga puluh (30) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai 1 markah.

- 1) Waktu berkerja minimum sehari di jabatan-jabatan kerajaan ialah
 - a. $7 \frac{1}{4}$ Jam
 - b. $7 \frac{1}{2}$ Jam
 - c. $8 \frac{1}{2}$ Jam
 - d. $8 \frac{1}{4}$ Jam
- 2) Pengiklanan jawatan kosong menurut Bab 7 (a) ialah
 - a. Iklan terbuka kepada orang ramai termasuk kakitangan kerajaan
 - b. Iklan untuk kakitangan di semua Kementerian dan Jabatan
 - c. Iklan untuk kakitangan dalam Kementerian dan Jabatan sahaja
 - d. Iklan khusus untuk yang mempunyai kelulusan tertentu sahaja
- 3) Kadar pembayaran gaji sehari bagi pemegang kelulusan **HND** sepertimana yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007 ialah
 - a. \$90.45
 - b. \$95.45
 - c. \$140.60
 - d. \$111.30
- 4) Siapakah pihak yang membenarkan bagi permohonan Cuti Tahunan selama 11 hari bagi tujuan mengikuti kursus atas perbelanjaan sendiri?
 - a. Unit Latihan Dalam Perkhidmatan, JPA
 - b. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Ketua Jabatan masing-masing
 - d. Jabatan Perkhidmatan Awam

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 5) Tempoh lantikan memangku bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam Bahagian III dalam Buku Anggaran Perbelanjaan adalah selama....
 - a. 14 hari keatas
 - b. 11 hari atau lebih
 - c. 11 hari kebawah
 - d. 1 hari atau lebih
- 6) Kuasa membenarkan memangku semua jawatan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tempoh melebihi 180 hari bagi menilai kesesuaian untuk ditetapkan jawatan yang dipangkunya ialah
 - a. Jabatan Perdana Menteri
 - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Kementerian Kewangan dan Ekonomi
- 7) Kadar baksis yang diberikan kepada pegawai kontrak asing dalam Bahagian IV untuk kontrak pertama adalah
 - a. 10 %
 - b. 15 %
 - c. 20 %
 - d. 25 %
- 8) Kelayakan cuti kontrak asing bagi Bahagian IV yang berumur 50 tahun ialah
 - a. 48 hari
 - b. 32 hari
 - c. 26 hari
 - d. 24 hari

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 9) Apakah yang akan terjadi kepada baki cuti pegawai kontrak tempatan yang tidak sempat diambil dalam tempoh tertentu?
- Dibawa ke kontrak seterusnya
 - Mansuh dengan sendirinya
 - Dibayar oleh kerajaan
 - Boleh diambil bila-bila masa
- 10) Berapakah kadar Elaun Bermalam (semalam) bagi pegawai dalam Bahagian II yang menjalankan tugas di dalam negeri dan tinggal bermalam di luar dari kawasan tempatnya bertugas?
- \$25.00
 - \$30.00
 - \$35.00
 - \$40.00
- 11) Elaun pakaian pegawai yang menjalankan tugas-tugas rasmi di luar negeri di negara-negara yang berhawa sejuk menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 25/1984 dibayar tiap-tiap.....tahun sekali.
- 3
 - 4
 - 5
 - 6
- 12) Kadar bonus tahunan yang akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Luar Negeri ialah
- $1 \times$ gaji pokok (100%)
 - $1 \frac{1}{2} \times$ gaji pokok (150%)
 - Tertakluk kepada keputusan peperiksaan
 - Tidak ada bonus diberikan

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 13) Baki cuti yang terkumpul pada bila-bila masa bagi pegawai dan kakitangan Bahagian I hingga V ialah sebanyak 108 hari. Apa akan terjadi kepada cuti berlebihan (jika ada) yang melebihi 108 hari?
- Cuti akan mansuh
 - Cuti boleh dibawa kehadapan
 - Cuti dipohonkan untuk dibayar
 - Cuti boleh diambil pada masa akan datang
- 14) Cuti Lebih Masa (Off In Lieu) hanya diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam bahagian berapa?
- Bahagian II
 - Bahagian III
 - Bahagian IV dan V
 - Bahagian III, IV dan V
- 15) Bagaimakah kedudukan gaji serta elaun-elaun pegawai kerajaan yang dibenarkan Cuti khas menemani suami / isteri bertugas di luar negeri?
- Gaji serta elaun-elaun diberhentikan
 - Gaji serta separuh elaun-elaun diberhentikan
 - Gaji serta elaun-elaun tidak terjejas
 - Gaji separuh serta elaun-elaun diberhentikan
- 16) Cuti kahwin yang dibenarkan kepada guru dan tenaga pengajar bahagian III dan kebawah ialah selama...
- 1 Minggu
 - 2 Minggu
 - 3 Minggu
 - 4 Minggu

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 17) Tempoh Cuti Tidak Bergaji yang diambil oleh kakitangan kerajaan akan mengakibatkan terjejasnya perkara berikut. Sila pilih satu yang paling tepat .
- Bonus
 - Pembayaran Gaji
 - Tempoh Perkhidmatan
 - a , b dan c
- 18) Kebenaran mendiami rumah / pangsa akan dibatalkan apabila pegawai didapati termasuk dalam salah satu keadaan berikut iaitu:
- Bersara dari perkhidmatan
 - Mendapat Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati
 - Membiarkan rumah kosong tanpa didiami pegawai sendiri
 - a , b dan c
- 19) Mata pelajaran bagi peperiksaan kerani-kerani rendah ialah
- Peraturan Kewangan, Pengetahuan Am dan MIB
 - MIB, Trengkas dan Pengetahuan Am
 - Pengetahuan Am, Aturan Pejabat dan Surat Menyurat
 - Trengkas, Aturan Pejabat dan MIB.
- 20) Tatacara perhubungan persuratan diantara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang dalam kementerian yang sama ialah
- Bersurat (letterhead)
 - Memorandum (memo)
 - Minit Keliling dan Surat Pemberitahuan
 - Memorandum (memo) dan Bersurat (letterhead)

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 21) Berapakah ciri yang terdapat didalam Buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam?
- 10 ciri
 - 11 ciri
 - 12 ciri
 - 13 ciri
- 22) Apa pengertian **simbol** bagi rajah [REDACTED] dalam Carta Aliran Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK)
- Penyambung
 - Tindakan (Langkah)
 - Aliran Tindakan
 - Pilihan / Keputusan
- 23) TPOR diperkenalkan pada tahun 1995 sempena Hari Perkhidmatan Awam ke-2. Apakah ciri-ciri TPOR berkenaan?
- Jelas
 - Spesifik / Khusus
 - Mudah Disebarluaskan
 - a, b dan c
- 24) Berapakah tempoh keseluruhan cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik persendirian di Negara Brunei Darussalam?
- Tidak lebih 5 hari setahun
 - Tidak lebih 10 hari setahun
 - Tidak lebih 15 hari setahun
 - Tidak lebih 20 hari setahun

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 25) Menurut Surat Keliling Setiausaha Kerajaan Bil: 58/1960, para perkerja yang bergaji hari boleh diberi cuti dengan gaji penuh. Berapakah kelayakan cuti setahun bagi perkerja bergaji hari yang mempunyai tempoh perkhidmatan diantara 8 hingga 14 tahun?
- 7 hari
 - 10 hari
 - 14 hari
 - 16 hari
- 26) Penubuhan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari seperti didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 02/2007 hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya berapa orang ahli?
- 4 orang
 - 5 orang
 - 6 orang
 - 7 orang
- 27) Berapakah kadar sebulan **elaun penyedia penjagaan** seperti didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 12/2021..
- \$150.00
 - \$200.00
 - \$250.00
 - \$300.00
- 28) Siapakah yang boleh memberikan kebenaran berkerja semula pegawai yang telah berhenti dari Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam?
- Jabatan Perdana Menteri
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Jabatan Perkhidmatan Pengurusan

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 29) Seorang kakitangan yang dilantik dalam percubaan boleh ditamatkan lantikannya jika...
- Didapati telah mendapat perkerjaan di sektor swasta
 - Tidak lulus peperiksaan yang ditentukan
 - Mempunyai hutang yang melebihi dari gajinya
 - Semua diatas adalah betul
- 30) Berapakah kadar Elaun Sara Hidup yang diberikan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam yang mana gaji mereka \$7,010.00 sebulan?
- \$ 80.00
 - \$100.00
 - \$120.00
 - Tidak dihulurkan

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab **tujuh (7) soalan sahaja** dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

- 1) Sila nyatakan kelulusan bagi setiap kadar gaji sehari bagi kakitangan bergaji hari sepetimana yang terkandung didalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007. (5 Markah)

KADAR GAJI SEHARI	KELULUSAN
\$90.45	
\$111.30	
\$119.50	
\$127.70	
\$140.60	

- 2) Sila nyatakan 5 jenis lantikan dalam perkhidmatan awam. (5 Markah)
- 3) Ada beberapa tindakan tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga perkhidmatan awam menurut kesalahan yang dilakukan. Sila sebutkan 5 (lima) sahaja tindakan tatatertib tersebut. (5 Markah)
- 4) Berapakah kadar baksis yang diberikan kepada kontrak asing pada penghujung kontrak perkhidmatan? (5 Markah).

BAHAGIAN	KADAR BAKSIS
I	
II	
III	
IV (Kontrak I & II)	
V (Kontrak III & seterusnya)	

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 5) Berapakah kadar elaun sara hidup yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Bahagian I, II, III, IV DAN V. (5 Markah)

BAHAGIAN	KADAR ELAUN SEBULAN
I	
II	
III	
IV	
V	

- 6) Apakah ciri-ciri penilaian prestasi bagi pegawai-pegawai Bahagian II. Sila senaraikan lima (5) ciri-ciri tersebut. (5 Markah)
- 7) Berapakah kelayakan cuti bagi setiap 12 bulan perkhidmatan khusus untuk pegawai kontrak tempatan yang berumur 40 tahun kebawah? (5 Markah)

BAHAGIAN	KELAYAKAN CUTI
I	
II	
III	
IV	
V	

- 8) Pegawai Kontrak yang menamatkan atau ditamatkan perkhidmatannya kerana sakit atau uzur adalah layak diberikan faedah-faedah tertentu. Sila nyatakan faedah-faedah tersebut. (5 markah)
- 9) Cuti tanpa catat hanya diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam yang menyertai kegiatan-kegiatan apa? Sila sebutkan lima (5) kegiatan berkenaan. (5 markah)

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

- 10) Berapakah kadar eluan gangguan yang akan dibayar pada tiap-tiap masa dalam mana seorang pegawai ditukar tetap dari satu daerah / pusat ke satu daerah / pusat yang lain? (5 Markah)

BAHAGIAN	KADAR BAYARAN
I	
II	
III	
IV	
V	

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki **menjawab dua (2) soalan.**

SOALAN 1 – LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Awang Ali bin Sabtu ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Skim Latihan Dalam Perkhidmatan. Sila jawap soalan-soalan berikut.

1. Sila sebutkan 2 Skim Latihan Dalam Perkhidmatan sepetimana yang terdapat di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri. (2 Markah)
 2. Apakah kemudahan-kemudahan LDP dalam negeri bagi pegawai dan kakitangan kerajaan yang mengikuti Skim Cuti Tidak Bergaji Dalam Negeri? (6 Markah)
 3. Berapakah tempoh ikat janji (**bond**) berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh kursus seperti berikut: (5 Markah)
 - Kurang daripada empat (4) bulan -
 - Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan -
 - Lapan (8) bulan hingga kurang daripada satu (1) tahun -
 - Dua (2) tahun hingga kurang daripada tiga (3) tahun -
 - Enam (6) tahun hingga kurang daripada tujuh (7) tahun -
 4. Skim Latihan Dalam Perkhidmatan akan ditamatkan dan seterusnya pegawai dan kakitangan kerajaan berkenaan akan dikenakan tindakan yang bersesuaian jika gagal mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan LDP seperti yang terkandung di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri dan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Peraturan-Peraturan Am Pegawai Kerajaan (General Orders) 1961, Surat Perjanjian dan Surat Kebenaran LDP yang dikeluarkan oleh Jabatan

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

Perkhidmatan Awam. Sila sebutkan 4 tindakan-tindakan yang boleh diambil keatas pegawai dan kakitangan berkenaan (4 Markah).

5. Bagaimana kedudukan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut (LDPSL) jika gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah dibenarkan? (1/2 Markah).

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)
April 2023**

SOALAN 2 – PERLANTIKAN PEGAWAI KONTRAK

Dayang Supinah bte Matyassin, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas telah diamanahkan untuk menyediakan beberapa jawapan bagi soalan yang ditimbulkan semasa sesi perjumpaan dengan beberapa orang Pegawai Kontrak. Sila jawap soalan-soalan berikut.

- 1) Lantikan pegawai kontrak di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah secara sementara. Sila sebutkan 2 jenis lantikan kontrak yang ada pada ketika ini. (2 Markah).

- 2)
 - a) Berapakah kadar baksis (%) yang diberikan kepada para pegawai kontrak tempatan yang meletak jawatan? (2 Markah)

 - b) Berapakah kadar baksis (%) yang diberikan kepada para pegawai kontrak Asing Bahagian IV bagi Kontrak Ketiga? (2 Markah)

 - c) Berapakah jumlah kelayakan cuti pegawai kontrak tempatan yang berumur 40 Tahun kebawah dalam Bahagian I & II? (2 Markah)

 - d) Berapakah jumlah kelayakan cuti pegawai kontrak Asing yang berumur 40 Tahun keatas dalam Bahagian III? (2 Markah)

 - e) Bagaimanakah kedudukan cuti pegawai kontrak tempatan yang tidak diambil dalam satu tempoh kontrak yang telah ditetapkan? (2 Markah)

- 3) Apakah faedah-faedah yang layak diberikan kepada pegawai kontrak jika tidak disambung atau ditamatkan perkhidmatannya? Sila senaraikan lima (5) faedah-faedah tersebut (5 Markah).

- 4) Apakah tahap penilaian prestasi 2 tahun kebelakangan bagi pembaharuan perkhidmatan kontrak? (1/2 Markah).

**Peperiksaan Perintah-Perintah Am 1961 dan Peraturan-Peraturan
Perkhidmatan (GO)**
April 2023

SOALAN 3 – AUDIT DALAMAN

Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam mengenai '**Penubuhan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Penubuhan Unit Audit Dalaman di Kementerian**' telah dikeluarkan pada 17 September 2022. Sila jawap soalan berikut:

- 1) Sila sebutkan bilangan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan 'Penubuhan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Penubuhan Unit Audit Dalaman di Kementerian' ? (1 Markah)

- 2) Unit Audit Dalaman di peringkat kementerian hendaklah ditubuhkan dan diketuai oleh seorang Pegawai dalam Bahagian berapa? Berapakah sekurang-kurangnya jumlah keanggotaannya dan dari Bahagian berapa? (3 Markah)

- 3) Unit Audit Dalaman secara berpusat (*centralised*) sepenuh masa ditubuhkan di peringkat kementerian sahaja. Apakah ciri-ciri Unit Audit Dalaman? (6 Markah)

- 4)
 - a) Apakah jenis pengauditan yang akan dilaksanakan oleh Unit Audit Dalaman? (4 Markah)

 - b) Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak pengurusan Kementerian / Jabatan ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalaman agar kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang kembali? (3 Markah)

 - c) Apakah Akta yang mengawal pegawai dan kakitangan Unit Audit Dalaman? (1/2 Markah).